



Bergerak seiring

Perdana Menteri seru negara Asean kekang jenayah siber rentas sempadan secara kolektif

MUHYIDDIN memberi ucapan secara maya dalam majlis pembukaan ADGMINI dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan di sebuah hotel di ibu kota, semalam.

Bernamea

Kuala Lumpur

Asean perlu mencari pendekatan secara kolektif untuk mengekang jenayah siber rentas sempadan ketika rantau itu bersedia muncul sebagai blok ekonomi digital yang kompetitif ketika pasca-Covid-19, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam ucapan sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Digital Asean Pertama (ADGMINI) yang diadakan secara maya, Muhyiddin berkata, cabaran utama dihadapi kumpulan serantau dalam bidang siber adalah untuk terus berada di hadapan dalam dua bidang utama iaitu mengekang jenayah siber dan menuju kemajuan ekonomi digital.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia menyedari bentuk jenayah siber rentas sempadan dan cabaran membawa penjenayah siber ke muka pengadilan kerana ia memerlukan pendekatan serantau yang selaras dan bersepadu.

"Dalam hal ini, negara anggota Asean tidak lagi boleh bergerak dan bekerja secara berasingan," katanya

sempena perasmian ADGMINI yang bertemakan Asean: Komuniti Yang Dihubungkan Secara Digital di sini, semalam.

Beliau berkata, Asean secara berterusan membincang dan menyuarakan sokongannya terhadap suatu set peraturan antarabangsa, norma dan prinsip dalam tingkah laku bertanggungjawab mengenai ruang siber dalam membina persekitaran digital yang selamat dan boleh dipercayai.

"Malaysia juga menuju ke arah mencapai matlamat keselamatan dengan rancangan dan strategi komprehensif untuk menyediakan ruang siber selamat, dipercayai dan berdaya tahan serta pada masa sama, memupuk kesejahteraan ekonomi demi kesejahteraan semua negara anggota Asean," katanya.

Agensi penguatkuasaan kebangsaan negara anggota juga harus dilengkapi alatan canggih seperti keupayaan forensik digital untuk memerangi jenayah siber dan diintegrasikan sepenuhnya di seluruh rantau supaya ia

benar-benar berkesan dalam menangani pencabulan undang-undang rentas sempadan.

"Tiada alasan gagal. Negara anggota harus berazam dan nekad berbanding sindiket jenayah," katanya.

Dalam hal berkaitan, Muhyiddin berkata, negara anggota Asean mungkin boleh mempertimbangkan pengenalanan undang-undang data peribadi dan hak pengguna terhadap mana-mana entiti digital di rantau ini.

Platform digital mungkin diminta mempunyai sikap keberterang-jawapan lebih besar dengan membolehkan mereka didakwa, kecuali jika mereka dapat mengawal produk mereka.

Perdana Menteri berkata Asean juga seharusnya dapat mempertimbangkan undang-undang berkaitan lebih tegas terhadap ucapan berunsur kebencian melalui media digital, yang antara lain memaksa platform digital menghapus atau mengenakan hukuman atas setiap ucapan yang sengaja mempromosikan ke-

ganasan dan serangan.

"Ini tidak terhad kepada gangguan dan ancaman terhadap seseorang atau individu berdasarkan bangsa, jantina, agama, orientasi seksual, kecacatan atau kewarganegaraan," tambahnya.

Muhyiddin menekankan, Malaysia komited menyediakan kecekapan lebih baik serta perhubungan kepada penduduk di seluruh rantau ini dan Malaysia juga diberi penghormatan menyelaraskan pembangunan Pelan Induk Digital Asean 2025 (ADM2025) yang dilancarkan ketika ADGMINI.

ADM2025 dibangun berdasarkan Pelan Induk ICT Asean 2015 dan 2020, menggabungkan usaha menyokong transformasi digital bagi sektor tradisional, mewujudkan pasaran digital yang adil dan kompetitif, membina persekitaran digital selamat dan boleh dipercayai, mewujudkan warga digital cerdas untuk muncul sebagai blok ekonomi digital kompetitif.

Beliau juga menegaskan, mesyuarat ADGMINI yang berlangsung secara maya semalam, susulan pandemik Covid-19, membuktikan kemajuan Asean sebagai komuniti berteraskan digital.

“
Negara anggota
harus berazam dan
nekad berbanding
sindiket jenayah
Muhyiddin